



**GH5. PEGAWAI PROJEK
PEJABAT MENTERI TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Human Resource Management / Human Resource / Pentadbiran / Pengurusan / Business Studies* atau bidang bersesuaian.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PROJEK:

1. Membantu Pegawai Kanan/Ketua Unit *Organisation and Human Capability* di dalam menjalankan tugas-tugas mempromosikan kerjaya di industri tenaga termasuk merancang, membentuk, mengimplementasi, memantau dan menilai satu-satu program promosi berkenaan dan seterusnya menyediakan cadangan pembaikan.
2. Membantu Ketua Unit *Organisation and Human Capability* dalam berperanan sebagai penggerak utama / penyelaras / pemudahcara / pemantau / penganalisa program atau aktiviti mempromosikan kerjaya di industri tenaga yang berskala besar.
3. Bertanggungjawab dalam membentuk, melaksanakan, menganalisa dan membuat laporan dapatan bagi sebarang pemantauan dan penilaian sebelum, semasa dan sesudah setiap program promosi kerjaya di industri tenaga.
4. Bertindak mewakili Unit *Organisation and Human Capability* selaku pakar rujuk dalam hal ehwal yang bersangkutan dengan kerjaya di industri tenaga.
5. Membangun dan menyediakan program dan dasar-dasar dan strategi untuk pembangunan tenaga manusia, kecekapan dan pembinaan keupayaan dalam industri tenaga.
6. Hendaklah bersedia untuk memberikan bengkel/seminar mengenai keperluan sumber tenaga manusia di industri tenaga.
7. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua *Organisation and Human Capability*.